



**Terma dan Syarat Daftar Kad  
Kredit Platinum Maya Visa  
Alliance Bank Teka Juara Piala  
Dunia FIFA Qatar 2022 dan Rebut  
Peluang Menang Jersi**

1. Kempen Pemerolehan Kad Kredit Maya Teka dan Menang Piala Dunia FIFA ("Kempen") dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("ABMB") dan akan berlangsung mulai 24 Ogos 2022 hingga 31 Disember 2022 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tempoh masa lain yang mungkin dimaklumkan oleh ABMB dari semasa ke semasa ("Tempoh Kempen").
2. Kempen ini terbuka untuk Pemegang Kad Kredit Utama yang baru diluluskan semasa Tempoh Kempen untuk Kad Kredit Maya Visa Platinum ABMB ("Kad yang Layak") dan memenuhi kriteria berikut ("Pemegang Kad yang Layak"):
  - i. Pemegang kad yang memohon Kad yang Layak semasa Tempoh Kempen;
  - ii. Pemegang kad yang memiliki Kad yang Layak yang sah (aktif tanpa kod sekatan) yang dikeluarkan atau diluluskan oleh ABMB; dan
  - iii. Pemegang kad yang telah membatalkan Kad yang Layak mereka yang sedia ada lebih daripada enam (6) bulan sebelum Tempoh Kempen.
3. Individu berikut **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
  - i. Staf atau pekerja tetap dan/atau sementara ABMB (termasuk anak syarikat dan syarikat yang berkaitan);
  - ii. Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan promosi dan vendor teknologi maklumat) ABMB (termasuk anak syarikat dan syarikat yang berkaitan);
  - iii. Entiti bukan individu termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi/pertubuhan kebajikan/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, kelab, persatuan dan koperasi syarikat-syarikat tersenarai dan sendirian berhad;
  - iv. Individu yang telah membatalkan kad kredit maya mereka yang sedia ada yang dikeluarkan oleh ABMB dalam tempoh enam (6) bulan terakhir sebelum Tempoh Kempen;
  - v. Individu di bawah umur 21 tahun;
  - vi. Individu yang tidak mampu dari segi kewangan atau telah dihukum sebagai muflis; dan/atau
  - vii. Mana-mana orang lain yang ABMB mungkin memutuskan untuk dikecualikan mengikut prosedur dalaman Bank.
4. Pemegang Kad yang Layak perlu memohon Kad yang Layak semasa Tempoh Kempen untuk mendapatkan Ganjaran (seperti yang ditakrifkan di bawah).
5. Permohonan untuk Kad yang Layak hendaklah dikemukakan semasa Tempoh Kempen dan diluluskan pada atau sebelum 31 Disember 2022. Bagi permohonan yang dikemukakan sebelum atau pada 31 Disember 2022 dan masih belum diluluskan (yang dikemukakan ke dalam sistem pada 31 Disember 2022), tempoh kelulusan akan dilanjutkan sehingga 15 Januari 2023.

#### **(A) DAFTAR DAN DAPATKAN GANJARAN**

- i. Pemegang Kad yang Layak perlu mendaftar akaun kad kredit maya.
- ii. Kad yang Layak perlu diluluskan sebelum 15 Januari 2023.
- iii. Pemegang Kad yang Layak akan menerima sebiji bola sepak mini ("Ganjaran"). Ganjaran adalah terhad kepada 2,000 unit sahaja dan diperuntukkan berdasarkan siapa cepat dia dapat.

- iv. Ganjaran akan dihantar ke alamat Pemegang Kad yang Layak yang diberikan pada halaman penyerahan Kempen tanpa mengenakan kos penghantaran.
- v. Mana-mana Ganjaran yang ditolak atau tidak boleh dihantar atas apa jua sebab sekalipun akan dianggap ditolak oleh Pemegang Kad yang Layak dan serta-merta akan dilucutahkan oleh ABMB. ABMB tidak akan melayan sebarang permintaan untuk menghantar semula Ganjaran atau membenarkan pengambilan Ganjaran daripada mana-mana premis ABMB atau di mana-mana sahaja.
- vi. Imej mana-mana Ganjaran yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan pemasaran dan/atau iklan adalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata dan warna/reka bentuk mungkin berbeza daripada Ganjaran sebenar yang diterima.
- vii. Butiran untuk tarikh Ganjaran dipenuhi adalah seperti Jadual di bawah:

<b>Tempoh Kelulusan Kad yang Layak</b>	<b>Tarikh Ganjaran Dipenuhi</b>
24 Ogos – 30 September 2022	Sebelum 31 Oktober 2022
1 Oktober – 31 Oktober 2022	Sebelum 30 November 2022
1 November – 30 September 2022	Sebelum 31 Disember 2022
1 Disember – 15 Januari 2023	Sebelum 28 Februari 2023

#### **(B) PERADUAN TEKA JUARA DAN MENANG**

- i. Pemegang Kad yang Layak perlu mendaftar akaun kad kredit maya dan Kad yang Layak perlu diluluskan sebelum 4 Disember 2022.
- ii. Pemegang Kad yang Layak perlu meneka juara piala dunia FIFA (“Juara”) melalui aplikasi mudah alih rakan kongsi ekosistem dan diserahkan sebelum 20 November 2022
- iii. Ganjaran akan diberikan kepada sembilan (9) orang Pemegang Kad yang Layak yang berjaya meneka Juara dengan betul berdasarkan tarikh kelulusan terawal Kad yang Layak (“Pemenang”).  
Sekiranya tiada Pemegang Kad yang Layak yang dapat meneka/menjawab Juara yang betul, Pemegang Kad yang Layak yang menjawab paling hampir dengan juara (Naib Juara, Tempat Ketiga dan Tempat Keempat) akan dipilih sebagai Pemenang.
- iv. Pengumuman Pemenang akan dibuat melalui panggilan telefon, emel dan siaran media sosial sebelum 31 Disember 2022.
- v. Pemenang akan menerima jersi yang ditandatangani (“Ganjaran”). Imej mana-mana Ganjaran yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan pemasaran dan/atau iklan adalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata dan warna/reka bentuk mungkin berbeza daripada Ganjaran sebenar yang diterima.
- vi. Para pemenang tidak dibenarkan memilih atau menukar warna atau reka bentuk Ganjaran.
- vii. Ganjaran tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau barang lain.
- viii. Pemenang dikehendaki mendapatkan Ganjaran mereka di Ibu Pejabat ABMB:  
Menara Multi Purpose, Capital Square, No. 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur
- ix. Pemenuhan ganjaran akan dibuat pada akhir Januari 2023.
  
- 6. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dikehendaki membaca dan memahami terma yang disediakan sebelum bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen. Terma dan Syarat Kempen ini dan keputusan ABMB berhubung semua perkara berkaitan Kempen ini adalah muktamad dan terikat untuk semua

Pemegang Kad yang Layak dan sebarang surat menyurat dan/atau rayuan berkaitan kempen ini tidak akan dilayan.

7. ABMB berhak untuk menarik balik/membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjutkan Kempen ini dan menambah, memadam, menggantung dan/atau mengubah Terma dan Syarat Kempen ini, secara sepenuhnya atau sebahagiannya mengikut dasar dalaman ABMB dengan memberikan notis awal melalui siaran pada laman web ABMB, paparan di premis cawangan atau iklan atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang ABMB pilih dan ini hendaklah mengikat Pemegang Kad yang Layak mulai tarikh pemberitahuan atau mulai tarikh lain seperti yang dinyatakan oleh ABMB dalam pemberitahuan. Pemegang Kad yang Layak dengan ini bersetuju untuk mengakses laman web ABMB dari semasa ke semasa untuk melihat Terma dan Syarat Kempen ini.
8. ABMB berhak untuk menukar atau menggantikan pada bila-bila masa, mengikut budi bicaranya sendiri sebagaimana dasar dalaman ABMB, Ganjaran kempen ini dengan item lain atau ganjaran yang sama nilai dengan memberikan notis awal melalui laman web ABMB.
9. Terma dan Syarat Kempen ini dan keputusan ABMB berhubung semua perkara berkaitan Kempen ini adalah muktamad dan terikat untuk semua Pemegang Kad yang Layak dan sebarang surat menyurat dan/atau rayuan tidak akan dilayan.
10. ABMB tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima apa-apa liabiliti walau apa pun sifatnya yang timbul atau dialami oleh Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini akibat tindakan pemegang kad itu sendiri. ABMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Pemegang Kad yang Layak dalam apa cara sekalipun jika ABMB tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajipannya di bawah Kempen ini secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh sebarang peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bencana alam, perperangan, mogok, rusuhan, pertikaian industri, sekatan keluar, kebakaran, kemarau, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah ABMB.
11. ABMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan teknikal dalam apa jua bentuk, apa jua campur tangan, gangguan, ralat elektronik dan/atau sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi oleh Visa, kedai saudagar, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang mungkin menjelaskan kelayakan Pemegang Kad yang Layak semasa Tempoh Kempen.
12. Terma dan Syarat Kempen ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat sedia ada yang mentadbir Kad Kredit dan akaun perbankan Pemegang Kad yang Layak dengan ABMB (**“Terma Sedia Ada”**).
13. Kad yang Layak dan akaun Pemegang Kad yang Layak hendaklah pada setiap masa (i) sah, dalam kedudukan kredit yang baik dan tidak melanggar mana-mana kandungan Terma dan Syarat Kempen ini atau Terma yang Sedia Ada; dan (ii) tidak boleh ditamatkan atau ditutup atau dibuat tertakluk kepada sebarang lampiran, perintah sekatan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh ABMB untuk layak mendapat Ganjaran.
14. ABMB mengikut budi bicaranya berhak untuk melucutkan penyertaan mana-mana Pemegang Kad yang Layak atau membatalkan Ganjaran dalam keadaan di mana terdapat transaksi penipuan, tanpa kebenaran atau pembalikan transaksi atau pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini. Semua rekod ABMB berkaitan transaksi yang dibuat adalah tidak boleh dipertikaikan dan muktamad.
15. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatkan, penggantungan atau pelanjutan Kempen ini atau perlucutan kelayakan Pemegang Kad yang Layak atau pelucutahan

Ganjaran tidak akan melayakkan Pemegang Kad yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap ABMB atau untuk mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatkan, penggantungan, pelanjutan, perlucutan kelayakan atau pelucutahan disebabkan oleh tindakan Pemegang Kad yang Layak itu sendiri.

16. Pemegang Kad yang Layak secara peribadi bertanggungjawab terhadap semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan Kempen ini.
17. Terma dan Syarat Kempen ini termasuk penambahan, pemotongan, perubahan dan/atau pindaan yang mungkin dibuat dari semasa ke semasa akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kecuali sebagaimana yang dipersetujui sebaliknya oleh ABMB, Pemegang Kad yang Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
18. Pemegang Kad yang Layak dengan ini memberikan persetujuan yang sepenuhnya dan tidak boleh ditarik balik dan membenarkan ABMB untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar foto yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk tujuan pengiklanan dan/atau promosi yang terhad kepada Kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pemegang Kad yang Layak.
19. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Penyata Notis dan Pilihan Dasar yang terdapat di laman web ABMB (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf>) dengan ini memberikan persetujuan mereka dan memberi kuasa kepada ABMB untuk mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh ABMB untuk tujuan Kempen ini.
20. ABMB telah memperkenalkan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang direka untuk mencegah rasuah dan korupsi oleh ABMB dan para pengarah, pegawai atau pekerjanya; dan sepanjang pengetahuan ABMB, ABMB mahupun mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja ABMB tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan anti-rasuah atau anti-korupsi yang terpakai untuk ABMB. ABMB tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berhubung dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, memberi kuasa, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan bagi meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan lain apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
21. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan tentang ringkasan dasar anti-rasuah dan korupsi ABMB yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery- and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan perjanjian/akujanji selanjutnya bahawa mereka tidak akan terlibat dalam amalan rasuah tersebut dalam apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja ABMB.